

# UMS berazam tingkat kerjasama dengan Utusan Borneo

Oleh NIK JASNI CHE  
JAAFAR

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) yakin dengan keupayaan *Utusan Borneo* (UB) untuk menjadi akhbar Bahasa Melayu utama di negeri ini serta akan terus menyokong dan mempertingkatkan kerjasama dengan akhbar ini pada masa depan.

Naib Canselornya, Brig. Jen. Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon, berkata beliau sangat berpuas hati dengan persembahan dan peranan UB yang menyambut ulang tahun keduanya pada hari ini.

Katanya, pendekatan mesrarakyat yang digunakan oleh akhbar ini juga telah berjaya meraih perhatian pembaca untuk terus mengikuti isi kandungannya dan tidak mustahil akhbar ini akan menjadi salah satu akhbar 'berkuasa' di negeri ini.

"UB banyak membantu memaklumkan kepada orang ramai tentang perkara semasa yang berlaku di Sabah, menjadikannya lebih mesra dan dekat dengan sebahagian besar pembaca di negeri ini.

"Namun pada masa yang sama, akhbar ini tidak mengetepikan berita-berita yang berlegar di seluruh negara dengan



DR KAMARUZAMAN

memuatkannya dalam ruangan tertentu seperti Nasional dan Ekonomi," katanya ketika dihubungi *Utusan Borneo*, kelmarin.

Katanya, akhbar ini juga menyediakan berita peringkat global yang secara tidak langsung mendedahkan masyarakat tempatan kepada apa yang berlaku di seluruh dunia.

"Saya berharap suatu masa nanti UB akan dapat diperluas edarannya ke seluruh negara kerana melalui pemerhatian saya, apa yang terkandung dalam UB boleh membantu mengubah persepsi segelintir masyarakat di Semenanjung Malaysia terhadap Sabah.

"Pada saya, masyarakat di Semenanjung belum melihat Sabah yang sebenarnya sedangkan kita telah banyak berubah dan sudah berkembang maju," katanya.

Merujuk kepada persaingan semasa yang dihadapi oleh UB, beliau

berkata UB tidak harus tergesa-gesa mengejar jumlah edaran yang banyak kerana yang lebih penting adalah pasaran jangka masa panjang dan ia adalah berkait dengan kepercayaan pembaca.

"UB sekarang berada pada landasan yang baik dan kerana itu ia tidak perlu terburu-buru... apa yang penting adalah kualitinya dan kepercayaan yang berpanjangan daripada pembaca. Bukan mudah untuk mendapat kepercayaan pembaca. Jadi, setiap akhbar seharusnya jujur dalam penulisan mereka.

"Buat masa sekarang, saya pasti persaingan antara UB dan akhbar lain khususnya di Sabah tidak terlalu besar. Jika terus berusaha dan kerja keras, saya pasti UB boleh berada di tempat pertama."

Katanya, kerja keras dan tidak mudah putus asa adalah kunci utama kejayaan dan kerana itu, beliau mengharapkan UB akan terus memberikan persembahan terbaiknya di masa akan datang.

"Selamat maju jaya kepada UB dan semoga akhbar ini akan menjadi akhbar utama di Sabah dan InsyaAllah, mungkin juga di Malaysia suatu hari nanti. Kami akan terus menyokong akhbar ini pada masa depan," katanya.